

KETUA HAKIM NEGARA
MAHKAMAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA
KUALA LUMPUR



CHIEF JUSTICE
FEDERAL COURT
MALAYSIA
KUALA LUMPUR

K.H.N. 15

8 Mei, 1998

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi

Y.A. Pesuruhjaya Kehakiman

Yang Arif-Yang Arif,

Pelaksanaan Perenggan 12 Jadual Pertama
Akta Mahkamah Kehakiman

Adalah didapati bahawa beberapa Hakim Mahkamah Tinggi telah menggunakan peruntukan perenggan 12 Jadual Pertama, Akta Mahkamah Kehakiman 1964 untuk menghantar kes-kes untuk dibicara daripada mahkamah mereka ke Mahkamah-mahkamah Tinggi di tempat lain. Perenggan 12 itu menyatakan -

"12. Power to transfer any proceedings to any other Court or to or from any subordinate court, and in the case of transfer to or from a subordinate court to give any directions as to the further conduct thereof:

Provided that this power shall be exercised in such manner as may be prescribed by any rules of court."

2. Adalah jelas bahawa kuasa ini hendaklah dijalankan mengikut cara yang ditetapkan oleh Kaedah-Kaedah Mahkamah. Memandangkan Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi tidak menetapkan caramana kuasa itu patut dijalankan, adalah wajar bahawa jika ada sesuatu permohonan untuk sesuatu kes di hantar ke Mahkamah lain, permohonan itu hendaklah dimajukan kepada Y.A.A. Hakim Besar berkenaan untuk beliau membuat keputusan dibawah seksyen 20 Akta Mahkamah Kehakiman.

..2/-



- 2 -

3. Pemindahan sesuatu kes daripada Mahkamah Tinggi Sabah/Sarawak ke Semenanjung atau sebaliknya hendaklah diatas kelulusan kedua-dua Y.A.A. Hakim-Hakim Besar.

Sekian.

(TUN DATO' SERI MOHD. EUSOFF BIN CHIN)
Ketua Hakim Negara Malaysia.

s.k. Y.A.A. Presiden
Mahkamah Rayuan
Kuala Lumpur.

" Y.A.A. Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan
Kuala Lumpur.

" Y.A.A. Hakim Besar Sabah & Sarawak
Mahkamah Tinggi
93506 Kuching
Sarawak.